

# Hubungan Penguasaan Jawi dan Kurikulum dengan Proses Pengajaran dalam kalangan Guru Sekolah Rendah di Negara Brunei Darussalam

*The relationship of Jawi acquisition and curriculum with the teaching process among primary school teachers in Brunei Darussalam*

Zelzy Shahar Al-Johary<sup>1</sup>, & Muhamad Suhaimi Taat<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education,  
University Brunei Darussalam

<sup>2</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah,  
Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Corresponding author's email: suhaimi@ums.edu.my, zelzy.johary@ubd.edu.bn

**Abstrak.** Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk melihat hubungan antara penguasaan jawi dan kurikulumnya dengan proses pengajaran guru di sekolah-sekolah rendah di negara Brunei Darussalam. Subjek kajian terdiri daripada 150 orang guru yang mengajar mata pelajaran Jawi di sekolah-sekolah terpilih dengan menggunakan persampelan berstrata dan rawak mudah di seluruh negara. Instrumen kajian terdiri daripada set ujian tulisan jawi untuk mengukur penguasaan jawi guru dan juga soal selidik bagi mengenal pasti penguasaan kurikulum dan proses pengajaran guru di dalam bilik darjah. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi (Korelasi Pearson) bagi menguji hipotesis-hipotesis kajian. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara variabel-variabel bebas dengan variabel bersandar kajian iaitu  $r = 0.228$  (penguasaan jawi) dan  $r = 0.573$  (penguasaan kurikulum). Secara umumnya kajian juga menunjukkan skor markah atau skor min bagi kesemua variabel kajian adalah pada tahap yang memuaskan. Diharapkan kajian ini dapat memberikan input berguna kepada penambahbaikan mata pelajaran jawi.

**Kata kunci:** penguasaan, jawi, kurikulum, proses, pengajaran

**Abstract.** The main aim of the study was to determine the relationship between jawi (Arabic script) acquisition and its curriculum in the process of teaching in primary schools of Brunei Darussalam. There were 150 Jawi teachers selected throughout the country via the process of stratified and simple random samplings. The instruments consist of jawi's writing test employed to measure the teachers' jawi acquisition and a questionnaire to identify the curriculum acquisition and the process of teaching in the classroom. Data were analysed descriptively and inferentially (Pearson correlation) to test the hypothesis. Findings of the study showed that there was a positive statistically correlation between the independent and dependent variables,  $r = 0.228$  (jawi acquisition) and  $r = 0.573$  (curriculum acquisition). Generally, the study showed that the score mark or the mean score for all variables was at the level of satisfactorily. It is hoped that this study would provide a useful input in enhancing Jawi subject.

**Keywords:** jawi acquisition, curriculum, teaching process

## LATAR BELAKANG

Masyarakat Melayu di nusantara khususnya di negara Brunei Darussalam mula mengenali tulisan sebelum kedatangan Islam berikutan penemuan beberapa batu bersurat pada zaman Sriwijaya seperti Batu Bersurat Kedukan Bukit (683 M), Kota Kapur (686 M) dan Talang Tuwo (684 M). Penggunaan Bahasa Melayu kuno dan aksara-aksara Kawi dan Pallava pada ketiga-tiga batu bersurat ini jelas menunjukkan wujudnya tradisi penulisan pada zaman Sriwijaya dan pra-Islam bagi menjalankan urusan pentadbiran negara dan hubungan diplomatik. Walau bagaimanapun, tradisi penulisan ini hanya berkembang dalam kalangan para rahib Hindu dan jurutulis istana sahaja serta terhad kepada rakyat jelata (Muhammad Bukhari Lubis et al., 2006).

Abad ke-14 Masihi yang merupakan zaman peralihan telah mula menampakkan fungsi bahasa Melayu iaitu dengan menebalnya pengaruh Arab dan menipisnya pengaruh India (Harun Jaafar, 2004). Hal ini dapat dibuktikan dengan penemuan Batu Bersurat Terengganu bertarikh 1303 Masihi bersamaan 702 Hijrah yang ditulis sepenuhnya di dalam bahasa Melayu dengan menggunakan huruf Arab. Oleh itu, bermulalah perkembangan bahasa dengan meminjam huruf-huruf Arab dan dimasukkan ke dalam bahasa Melayu sama ada dikenalkan sebutan dan ejaannya mahupun diserapkan dan disesuaikan lafaz serta ejaannya dengan lidah sebutan Melayu. Contohnya, kata-kata yang dikenalkan ialah *Allah, malaikat, nabi, rasul, kitab* dan sebagainya (Amat Juhari Moain, 1996). Rentetan daripada itu maka lahirlah satu tulisan yang disebut sebagai tulisan jawi.

Tulisan jawi dipercayai mula bertapak di Negara Brunei Darussalam (NBD) sejak kedatangan Islam ke negara ini pada kurun ke 15 lagi. Inilah satu-satunya tulisan yang dominan digunakan oleh masyarakat Brunei pada ketika itu. Tulisan jawi ini telah digunakan sebagai tulisan rasmi terutamanya dalam pentadbiran, perjanjian dan hubungan surat-menurat antara kerajaan dengan pedagang pada zaman dahulu. Jawi juga turut digunakan secara meluas dalam pendidikan dengan menggunakan sistem tulisan jawi sepenuhnya pada ketika itu terutama sekolah pondok, masjid dan sistem madarsah secara tidak formal. Buku-buku atau teks-teks yang menjadi bahan pengajaran dan pembelajaran ditulis dalam tulisan jawi dan ada juga yang ditulis dengan bahasa Arab (Abdullah Alwi Hassan, 1980; Abdullah Jusuh, 1990). Tulisan ini mula diperkenalkan di sekolah Melayu dalam tahun 1906 Masihi, iaitu bermula di Masjid Pekan Lama. Pelajaran Jawi seperti membaca, menulis, mengeja dan mengarang dalam tulisan Jawi bermula dari tahun 1912 Masihi. Walau bagaimanapun tulisan jawi mula diajarkan secara formal di sekolah-sekolah oleh guru-guru yang didatangkan dari luar negeri pada tahun 1914 (Dk. Mariam Pg Hj Metarsas, 1982).

Keunggulan tulisan jawi mula tergugat setelah tulisan rumi diperkenalkan dan digunakan di sekolah-sekolah. Namun begitu tulisan jawi tetap digunakan dalam mata pelajaran Agama Islam yang diajarkan di balai-balai dan masjid-masjid pada ketika itu. Pengaruh dari tulisan rumi telah menimbulkan kesan yang negatif terhadap tulisan jawi. Lantaran itu pada tahun 1966, pelajaran Jawi tidak lagi diajarkan di Maktab Perguruan Melayu. Natijahnya telah mengakibatkan begitu banyak orang Melayu jadi ‘buta jawi’. Walau bagaimanapun pada tahun 1980, pelajaran jawi mula diajarkan semula di Maktab Perguruan sebagai satu kursus wajib kepada bakal-bakal guru khususnya guru bahasa Melayu yang menuntut di Institut Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Begitu juga di sekolah-sekolah rendah dan juga sekolah agama sama ada pada sesi pagi atau petang yang terdapat di negara ini.

Selain itu, maka beberapa langkah positif telah diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. Antaranya ialah dengan memberikan kursus kemahiran jawi kepada guru-guru di seluruh negara. Kursus ini telah dilaksanakan pada awal tahun 1992 dengan hasrat menjelang 31 Disember 1992 semua guru di NBD mempunyai pengetahuan tentang tulisan dan sistem ejaan jawi baharu. Selanjutnya, Kementerian Pendidikan NBD melalui Jabatan Perkembangan Kurikulum juga telah berusaha dan sentiasa memantau tentang pelaksanaan pelajaran jawi di sekolah-sekolah rendah dan menengah di negara ini. Langkah-langkah ke arah meningkatkan tahap kemahiran jawi dalam kalangan pelajar sentiasa diberi perhatian seperti penyediaan sukanan pelajaran, buku-buku teks, buku-buku kerja bertulis dan seterusnya memberi bimbingan yang berupa kursus dan bengkel-bengkel singkat kepada guru-guru yang terlibat.

## PERNYATAAN MASALAH

Walaupun mata pelajaran jawi telah diajarkan dalam Sistem Pendidikan Negara di Brunei Darussalam mulai Tahun Satu sejak tahun 1989, namun pada masa ini masih ramai dalam kalangan generasi muda, amat berkurangan bilangannya yang boleh membaca jawi. Memang tidak dinafikan ada yang boleh membaca tapi bacaan mereka masih di tahap ‘pacah-pacah’ biji atau tidak fasih (Yahya Haji Ibrahim, 2006). Tahap bacaan mereka masih dikategorikan lemah, bacaan tidak lancar dan tersekat-sekat. Begitu juga berlaku kepada murid-murid peringkat sekolah rendah. Adakalanya mereka terpaksa membaca huruf demi huruf bagi membunyikan sesuatu perkataan. Apabila disuruh untuk menulis ejaan dari rumi ke jawi, maka di sini akan berlaku kesulitan dan kekeliruan terutama kepada mereka yang mempunyai latar belakang pelajaran jawi yang agak lemah. Hal ini menjadi satu senario yang lazim berlaku dalam kalangan murid-murid peringkat sekolah rendah. Tambah menyedihkan lagi apabila ada sebahagian guru yang mengajar bahasa Melayu tidak tahu langsung menulis dan membaca jawi. Justeru itu, perkara ini sepatutnya diambil serius kerana kemahiran menulis dan membaca jawi seharusnya dikuasai oleh para guru terlebih dahulu. Jika tidak, bagaimana mereka akan menyampaikan pengajaran kepada para murid dengan sempurna.

Berdasarkan kajian dan laporan yang dijalankan oleh Awang Mohamad Amin (1989), menyatakan penguasaan pelajar dalam kemahiran menulis dan membaca jawi adalah ditahap lemah. Kajian daripada Mustapha Yazid (1991) mendapat, 95 peratus pelajar mempunyai sikap negatif terhadap tulisan jawi seperti susah dipelajari, tidak penting dan tidak dinilai terhadap mata pelajaran jawi (Sulaiman Ngah Ghazali, 1990; Azman Wan Chik, 1986). Pelajar-pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis jawi akan semakin ketinggalan dalam mata pelajaran jawi apabila alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru ditulis dengan menggunakan tulisan jawi (Muhammad Endut, 1992). Oleh itu, Ishak Haron dan Hassan Basri (1994) berpendapat, kelemahan pelajar-pelajar sekolah menengah dalam menguasai kemahiran jawi mempunyai kaitan langsung dengan keupayaan mereka pada peringkat sekolah rendah.

Ketidakmahiran dalam Pelajaran Jawi dalam kalangan murid-murid, mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor psikologi, faktor persekitaran, faktor pengajaran dan pembelajaran yang kurang berkesan dan sebagainya. Namun begitu, daripada beberapa faktor yang dinyatakan itu, faktor yang dirasakan agak ketara ialah faktor yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Secara umum dapatlah dinyatakan bahawa sebahagian guru bahasa tidak mengajarkan pelajaran jawi dengan kaedah yang betul. Misalnya, tidak ramai kalangan guru yang menerangkan tentang aspek peraturan atau hukum-hukum jawi secara terperinci, melainkan hanya mengajar secara rutin pada setiap pengajaran dengan menulis ejaan rumi ke jawi atau sebaliknya berpandukan buku teks, menyalin rencana dan menulis tulisan jawi. Ada pula dalam kalangan guru yang sering menggantikan pelajaran Jawi dengan mata pelajaran yang lain

dengan alasan, jawi itu tidak penting. Tambahan lagi, ia sudah diajarkan pada sekolah agama sebelah petang. Tidak kurang juga ada yang beralasan tidak tahu mengajar jawi kerana tidak memiliki pengetahuan asas tentang pelajaran jawi terutama kepada mereka yang bukan beragama Islam. Justeru itu, mereka merasakan pelajaran jawi itu diajarkan dengan rasa terpaksa dan tidak berminat untuk mengajarkannya.

Seterusnya faktor penguasaan kurikulum guru juga merupakan antara masalah yang sering dihadapi dalam kalangan para guru yang mengajar pelajaran jawi. Para guru kurang arif dalam melaksanakan objektif kurikulum yang disediakan oleh pihak Jabatan Kurikulum. Dalam erti kata sebenar, mereka tidak menghayati dengan sepenuhnya falsafah dan kepentingan jawi itu untuk diajarkan kepada murid-murid. Masalah sukatan pelajaran yang terlalu padat dan terpaksa dihabiskan sebelum menjelang peperiksaan menyebabkan pengajaran guru hanya untuk peperiksaan kognitif semata-mata tanpa mengambil kira sudut afektif dan psikomotor murid-murid. Walaupun demikian tidak dinafikan ada sebilangan guru yang berusaha untuk mengajar dengan sebaik mungkin dan menguasai sistem peraturan jawi yang terkini.

## OBJEKTIF KAJIAN

Berikut adalah objektif khusus yang dibentuk berdasarkan kepada latar belakang kajian dan masalah kajian yang tertumpu kepada pemboleh ubah bebas dan bersandar yang telah ditetapkan.

1. Mengenal pasti tahap penguasaan jawi, penguasaan kurikulum dan proses pengajaran jawi guru.
2. Mengenal pasti hubungan antara penguasaan jawi dengan proses pengajaran mata pelajaran jawi guru.
3. Mengenal pasti hubungan antara penguasaan kurikulum dengan proses pengajaran jawi guru.

## Hipotesis Kajian

- H1 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah penguasaan jawi dengan proses pengajaran mata pelajaran jawi guru.
- H2 Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah penguasaan kurikulum dengan proses pengajaran mata pelajaran jawi guru.

## Definisi Operasional

### Penguasaan Jawi Guru

Kajian ini hanya berfokuskan kepada penguasaan tulisan jawi sahaja. Berbagai-bagai istilah telah digunakan bagi merujuk PEJYD pada masa ini seperti ejaan jawi baru atau ejaan Jawi terkini atau ejaan Jawi Dewan. Guru-guru sebagai sampel kajian diminta untuk menjawikan tulisan rumi dan juga memilih ejaan jawi yang betul daripada senarai jawi yang telah disediakan oleh penyelidik. Guru diberi masa selama  $1 \frac{1}{2}$  jam untuk mengeja sebanyak 120 perkataan yang masing-masing mewakili bagi beberapa hukum atau peraturan ejaan jawi seperti berikut: Hukum Dal, Ra, La, Wau, Nga; Hukum Kaf Ga; Hukum Ba, Ta, Pa, Kag, Jim, Mim, Ga, Nun, Sin, Nya, Ca, Ya; Hukum Hamzah Sekedi; Imbuhan (Awalan dan Apitan); Imbuhan Akhiran ‘an’; Penulisan Diftong (ai, oi dan au); Penggunaan huruf Pa dan Fa; Penggunaan huruf Kaf, Qaf; Penggunaan huruf Va; Penggunaan Partikel (lah, kah, tah dan pun); Penggunaan Kata Ulang; Mengeja kata pinjaman bahasa Arab.

### Penguasaan Kurikulum

Dalam kajian ini penguasaan kurikulum merujuk kepada sejumlah pengetahuan dan pengalaman pendidikan jawi yang diperolehi dalam pengajaran guru. Guru berkemahiran dalam mentafsirkan isi kandungan pelajaran yang sukar difahami oleh pelajar. Dalam kata lain, guru berkeupayaan dalam menyediakan bahan pengajaran jawi yang berbeza pada setiap topik yang disediakan dalam sukatan pelajaran jawi, mempunyai pengetahuan luas tentang sukatan pelajaran jawi dan mampu memperkembang kebolehan murid-murid dalam pelajaran jawi sama ada mengeja, membaca dan menulis dalam tulisan jawi.

### Proses Pengajaran Jawi

Dalam konteks kajian ini, proses pengajaran jawi merujuk bagaimana guru merancang dan melaksanakan langkah-langkah pengajaran dan segala aktiviti-aktiviti dalam bilik darjah daripada awal sehingga akhir pengajaran yang merangkumi penyoalan, rangsangan, galakan, penglibatan, maklum balas, rumusan dan penilaian.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk bukan eksperimen secara tinjauan dengan menggunakan set ujian tulisan jawi dan soal selidik sebagai instrumen utama kajian. Guru-guru diberi ujian ejaan Jawi sebanyak 120 perkataan bagi mengenal pasti kemampuan mereka terhadap penguasaan peraturan-peraturan pengejaan jawi yang disempurnakan. Ujian kesahan dan kebolehpercayaan telah dijalankan ke atas

instrumen kajian. Populasi kajian ditentukan daripada kalangan guru-guru yang mengajar pelajaran Jawi di sekolah rendah di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam menggunakan teknik pensampelan berstrata dan rawak mudah. Oleh itu, seramai 150 orang guru telah dipilih sebagai responden. Analisis deskriptif dan inferens (Korelasi Pearson) telah digunakan dalam kajian ini.

### Dapatan Kajian

#### Dapatan Deskriptif (Tahap Penguasaan Jawi, Penguasaan Kurikulum dan Proses Pengajaran Jawi)

Berdasarkan kepada ujian tahap penguasaan jawi menunjukkan markah diperolehi pada sangat menguasai ialah 21 orang, menguasai 88 orang, kurang menguasai 40 orang, dan tidak menguasai seorang. Keputusan lanjut analisis kajian tersebut boleh dirujuk pada Jadual 1.

**Jadual 1** Tahap penguasaan jawi

Bil.	Markah	Tahap Penguasaan	Kekerapan	Peratus (%)
1	97 – 120	Sangat Menguasai	21	14.0
2	73 – 96	Menguasai	88	58.7
3	49 – 72	Kurang Menguasai	40	26.7
4	25 – 48	Tidak Menguasai	1	.7
5	0 – 24	Sangat Tidak Menguasai	0	0
<b>150</b>				<b>100</b>

Seterusnya dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan kurikulum guru pula pada tahap sederhana tinggi ( $\text{min} = 3.45$ ,  $\text{SP} = 0.46$ ). Bagi pemboleh ubah proses pengajaran guru pula menunjukkan tahap yang baik ( $\text{min} = 4.01$ ,  $\text{SP} = 0.57$ ). Keputusan lanjut analisis kajian tersebut boleh dirujuk pada Jadual 2.

**Jadual 2** Tahap penguasaan kurikulum dan proses pengajaran guru

Pemboleh ubah	Min	SP
Penguasaan Kurikulum	3.45	0.46
Proses Pengajaran	4.01	0.57

### **Dapatkan berdasarkan Hipotesis (Hubungan antara Penguasaan Jawi dan Penguasaan Kurikulum dengan Proses Pengajaran Jawi)**

Berdasarkan analisis Korelasi Pearson seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan ( $r = .228, p < 0.01$ ) antara penguasaan Jawi dengan proses pengajaran Jawi dalam kalangan guru. Oleh yang demikian, H1 adalah ditolak. Berdasarkan nilai Korelasi Pearson ( $r$ ) didapati hubungan yang wujud bersifat positif tetapi pada kadar kekuatan hubungan yang lemah.

Analisis tersebut juga mendapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan ( $r = .573, p < 0.01$ ) antara penguasaan kurikulum dengan proses pengajaran Jawi dalam kalangan guru. Oleh yang demikian, H2 adalah ditolak. Berdasarkan nilai Korelasi Pearson ( $r$ ) didapati hubungan yang wujud bersifat positif dan pada kadar kekuatan hubungan yang sederhana.

**Jadual 3** Hubungan antara penguasaan jawi dan penguasaan kurikulum dengan proses pengajaran ( $n = 150$ )

Proses Pengajaran Jawi		
Penguasaan jawi	Korelasi Pearson	.228**
	Sig. (2-hujung)	.005
	N	150
Penguasaan Kurikulum	Korelasi Pearson	.573**
	Sig. (2-hujung)	.01
	N	150

\*\* Signifikan pada aras keertian .01

## **RUMUSAN**

Berdasarkan dapatan-dapatan kajian, maka dapatlah disimpulkan bahawa secara umumnya penguasaan jawi subjek kajian adalah pada tahap yang baik. Begitu juga dengan proses pengajaran yang dilaksanakan oleh mereka. Namun tahap penguasaan kurikulum guru adalah pada tahap sederhana. Kajian ini juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara boleh ubah penguasaan jawi dan boleh ubah penguasaan kurikulum dengan proses pengajaran yang dijalankan oleh guru. Ini bermaksud semakin tinggi penguasaan jawi dan penguasaan kurikulum seseorang guru itu, maka semakin bagus dan berkeyakinan juga proses pengajaran yang dilaksanakan di dalam bilik darjah. Keadaan ini sudah tentu akan membantu murid-murid untuk memahami isi pelajaran yang disampaikan dan seterusnya akan dapat meningkatkan penguasaan jawi dalam kalangan murid-murid.

## RUJUKAN

- Abdullah Alwi Hassan. (1980). The development of Islamic Education in Kelantan. In Lutfi Ibrahim (Ed.), *Tamadun Islam di Malaysia* (p. 1900). Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia
- Amat Juhari Moain (1991). Sejarah tulisan jawi. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35 (Nov), 1001 – 1012.
- Awang Mohamad Amin. (1989). Tulisan Jawi ke arah penggunaan yang lebih meluas dan berkesan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 33 (12), 937 – 941.
- Harun Jaafar. (2004). *Ikhtisas kebudayaan dan prosa Melayu klasik*. Tanjung Malim: Penerbit UPSI.
- Ishak Haron, & Hasan Basri. (1994). *Laporan penguasaan jawi pelajar sekolah menengah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Ishak Haron (2002). Keberkesanan kaedah gabungan bunyi kata (KGBK) dalam pengajaran jawi peringkat awal dan pemulihian. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi dan Terjemahan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Bukhari Lubis, Fatimah Salleh, Husniyati Ali, Huzaimah Ismail, & Siti Fatimah Sudin. (2006). *Tulisan jawi: Sehimpunan kajian*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM.
- Mustaffa Bin Haji Daud, Muhammad Mustaffa Ishak, Rohana Yusof, & Cik Su Mustaffa. (1993). Persepsi pelajar Islam di universiti pengajian tinggi terhadap penggunaan tulisan jawi: Kajian kes di Universiti Utara Malaysia. *Kertas kerja Seminar Tulisan Jawi Peringkat Kebangsaan*. Jitra, Kedah Darul Aman.
- Nana Syaodih Sukmadinata. (2000). *Pengembangan kurikulum teori dan praktek*. Bandung: Remaja Rosdakarya, Indonesia.
- Norhana bte Haji Abdullag, Hjh. (1999). *Penguasaan menulis jawi dalam pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar menengah III di Negara Brunei Darussalam* (Kertas Projek Ilmiah Sarjana Pendidikan). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2002). Penguasaan jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, 22, 161 – 172.
- Nurazmi Kuntum, Haji. (2002). Prestasi pengejaan jawi: satu kajian awal di kalangan murid darjah enam dari sekolah terpilih di Negara Brunei Darussalam. *Studies in Education*, 7, 33 – 41.
- Yahya bin Haji Ibrahim, Haji. (2006). *Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Tulisan Jawi*, Universiti Brunei Darussalam. Gadong, Brunei Darussalam.

